

**MCA Minta Guan Eng Jawab Dakwaan Berhubung Terowong Dasar Laut
Bernama
August 8, 2014**

GEORGE TOWN, 8 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng perlu menghadapi dakwaan dan memberi penjelasan berhubung projek terowong dasar laut di negeri itu, kata Pengerusi Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA, Jason Teoh Sew Hock.

Beliau berkata Lim seolah-olah takut selepas anggota Jawatankuasa PAS Pusat, Nasruddin Hassan menuduh beliau membuat rundingan terus berkaitan projek berkenaan.

Sebagai ketua kerajaan negeri, Lim perlu membuktikan kebenarannya dengan memberi fakta dan bukan bersikap negatif mengancam untuk menyaman orang lain, katanya menerusi satu kenyataan.

"Sementara Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim rela untuk disiasat berhubung keputusannya meluluskan projek Lebuh raya Kinrara-Damansara (Kidex), Lim Guan Eng pula bertindak sebaliknya.

"Keputusannya untuk mempertahankan dirinya dalam sidang akhbar tanpa kehadiran pemimpin Pakatan Rakyat yang lain, tidak begitu menyakinkan," katanya.

Teoh berkata oleh kerana Nasruddin yang juga Anggota Parlimen Temerloh begitu yakin mempersoalkan penglibatan Lim dalam projek bernilai RM3.6 bilion itu, beliau tentu mempunyai asas untuk berbuat demikian.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1058980>